

Isytihar harta: Lim mahu firma audit bukan SPRM
MalaysiaKini.com
January 19,2012

Harta dan aset menteri kabinet dan dan ahli keluarga terdekat mereka perlu disahkan oleh juruaudit bebas dan bukannya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kata Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Menurut Lim, beliau memahami kebimbangan yang diluahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nazri Abdul Aziz berhubung keselamatan pemegang jawatan awam dan keluarga mereka jika terpaksa mengisytiharkan harta kepada khalayak ramai.

"Bagaimanapun, sekurang-kurangnya pemegang jawatan awam - menteri kabinet dan ahli-ahli exco - perlu mengisytiharkan aset mereka kepada firma audit yang bebas dan bukannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia," katanya.

Menurut Lim yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, SPRM akan terus dilihat sebagai alat BN yang cuba digunakan bagi menyelamatkan ahli-ahli politik mereka.

"Kita telah membuat laporan yang tidak terkira banyaknya kepada SPRM berhubung dakwaan rasuah tetapi tidak ada tindakan yang diambil.

"SPRM sepatutnya dinamakan Suruhanjaya Penutup Rasuah Malaysia," sindirnya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/187084>